

## KERATAN AKHBAR



|              |   |               |                |
|--------------|---|---------------|----------------|
| SURAT KHABAR | : | BERITA HARIAN |                |
| TARIKH       | : | 23/12/2019    | MUKA SURAT : 3 |
| JABATAN      | : | SPAN / LUAS   |                |
| KLASIFIKASI  | : | PERHATIAN     |                |

## Penduduk gesa kerajaan ambil tindakan segera

**Subang Jaya:** Kerajaan digesa mengambil tindakan segera bagi mengatasi gangguan bekalan air bersih akibat pencemaran sumber air mentah oleh pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga memaksa operasi loji rawatan air dihentikan.

Tindakan *BH* di sini mendapati orang ramai yang sering terjejas dengan masalah itu amat marah dan kecewa kerana masalah itu masih berlanjutan biarpun sudah beberapa kali berlaku.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Penduduk Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) Zon 3, Datuk Noor Azman Abdul Rahman, 52, berkata penduduk yang terjejas amat kecewa kerana masalah ini masih berlaku.

"Ini bukan kali pertama, sudah banyak kali ia berlaku. Saya menggesa kerajaan dan pihak berkenaan untuk mengambil tindakan tegas dengan segera sebelum masalah ini terus menjiskan kehidupan orang ramai," katanya kepada *BH* ketika dite-

mu semalam.

Pengurus syarikat logistik, Peter Pook, 42, berkata gangguan bekalan air untuk tempoh yang lama amat menyusahkan orang ramai terutama pada musim perayaan.

"Beberapa hari lagi Krismas akan menjelang, banyak persediaan perlu saya dan keluarga lakukan. Kalau berterusan tiada air sebegini, bagaimana kami hendak membuat persiapan menyambut Krismas."

"Sekarang ini, saya dan keluarga terpaksa menghap di rumah kerana tiada bekalan air," katanya.

Seorang jurutera, Shanmugam Inderan, 43, pula berkata beliau sudah jemu dengan alasan sama yang diberikan pihak berkuasa setiap kali berlaku gangguan bekalan air sedangkan tiada tindakan diambil.

"Alasan sama sahaja yang diberikan iaitu pencemaran air dan bau. Tetapi sampai sekarang tiada lagi tindakan yang diambil oleh kerajaan terhadap mereka yang bertanggungjawab menyebabkan pencemaran itu," katanya.



**Saya menggesa kerajaan dan pihak berkenaan ambil tindakan tegas dengan segera sebelum masalah ini terus jejasakan kehidupan orang ramai.**

Noor Azman Abdul Rahman,  
Timbalan Pengerusi  
Jawatankuasa Penduduk MPSJ



Penduduk mengisi air dalam bekas simpanan air dari paip awam di Subang Jaya, semalam. (Foto Aziah Azmeel/*BH*)